

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30 Jun 2009

SOALAN

YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang (Sibuti) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian telah mula mengambil 800 pekerja kontrak untuk Program CARI di bawah Pelan Rangsangan Ekonomi yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri dan berapakah jumlah pegawai yang akan ditempatkan di kawasan Parlimen Sibuti.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek CARI yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 17 Julai 2008, telah membuat pengambilan pekerja sambilan pada pertengahan bulan Oktober 2008 untuk tempoh enam bulan (fasa pertama) dan khidmat mereka berakhir pada bulan April 2009. Walau bagaimanapun oleh kerana projek ini telah berjaya membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengesan golongan terpinggir dan tercicir yang memerlukan bantuan kebajikan, maka Projek ini telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2009. Melalui Pakej Ransangan Ekonomi Kedua, KPWKM telah diluluskan peruntukan sebanyak RM21 juta bagi membiayai kos pengisian 968 orang Pekerja Sambilan Projek CARI untuk berkhidmat di seluruh negara. Sehingga bulan Jun 2009, JKM telah melantik seramai 911 orang pekerja projek CARI. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 160 jawatan diperuntukkan kepada Negeri Sarawak dan bagi Bahagian Miri yang turut meliputi kawasan Parlimen Sibuti, seramai 14 orang Pekerja Sambilan Projek CARI telah ditempatkan.

Jawapan Disediakan Oleh :- 1) Nama : En. Abdul Rahman bin Abdullah 2) Jawatan : Ketua Penolong Pengarah Kanan 3) Bahagian : Pengurusan 4) No. Tel. : 26165859

Jawapan Disemak Oleh Jabatan:- 1) Nama : Norani Haji Mohd Hashim 2) Jawatan : Pengarah Perancangan dan Pembangunan

Jawapan Diluluskan Oleh Jabatan:- 1) Nama : Dato' Meme Zainal Rashid 2) Jawatan : Ketua Pengarah JKM

Jawapan Disemak Oleh Kementerian:- 1) Nama : Dato' Saripuddin Kasim 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Tan Sri Faizah Mohd Tahir 2) Jawatan : Ketua Setiausaha

